

# Analisa Eksistensi *Gharar* Terhadap Pelaksanaan Pembiayaan Peribadi *Tawarruq*

## The Analysis of *Gharar* Existence in The Implementation of *Tawarruq* Personal Financing

Hussein Azeemi Abdullah Thaidi (Pengarang Penghubung)

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Tel: +6019 610 6916 E-mel: hussein.ath@gmail.com

Muhamad Firdaus Ab Rahman

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Tel: +6013 203 0355 E-mel: firdaus\_srcisum@yahoo.com

Azman Ab Rahman

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Tel: +6012 216 5852 E-mel: azmanusim@yahoo.com

### Abstrak

Pembiayaan peribadi *tawarruq* merupakan antara produk kewangan Islam yang menguntungkan institusi kewangan Islam. Namun realiti perlaksanaannya telah terpalit dengan kontroversi bahawa wujudnya unsur *gharar* yang diharamkan. Permasalahan semakin meruncing apabila tiada garis panduan dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk pelaksanaan *tawarruq*. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menilai kewujudan *gharar* dalam pembiayaan peribadi *tawarruq* di samping cuba melihat keselarian struktur produk pembiayaan peribadi *tawarruq* dengan piawaian Syariat. Kajian kualitatif ini menggunakan metodologi kepustakaan dan observasi untuk mengumpul data. Temubual dijalankan terhadap tiga pegawai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) untuk mendapatkan data primer. Hasil kajian menunjukkan wujudnya elemen *gharar* dalam pembiayaan peribadi *tawarruq*. Kajian menyimpulkan bahawa pelaksanaan pembiayaan peribadi *tawarruq* adalah harus berdasarkan prinsip *gharar yasir*. Hasil kajian dijangka mampu membetulkan skeptikal masyarakat dan menggalakkan lagi penawaran produk pembiayaan Islam yang kompetitif.

Kajian mencadangkan agar instrumen Islam yang lain seperti *musharakah*, *ijarah* dan *al-rahnu* terus diteroka untuk pelaksanaan pembiayaan peribadi.

**Katakunci:** Pembiayaan peribadi, *tawarruq*, *gharar*, kesamaran, perbankan Islam.

### Abstract

*Tawarruq* personal financing is one of the most profitable Islamic finance products to Islamic financial institutions. However, it has been pointed out that its implementation triggered some controversial issues which related to the prohibition of *gharar* (ambiguity). This problem is getting bigger because there is no specific guideline prepared by the Central Bank of Malaysia (BNM) for the sake of proper *tawarruq* implementation. Hence, the objective of this research is to evaluate the existence of *gharar* in the *tawarruq* personal financing. This qualitative research adopts library method and observation method. The primary data is gained through the method of interviews with three selected respondents from Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). This research discovered that the *gharar* is existed in the implementation of

*tawarruq* personal financing. This research concluded that its existence is permissible based on *gharar yasir* principles. The clarification in this research will retrieve the skeptical towards Islamic banking products and boost its productions. Nevertheless, it is recommended that this kind of research could be extended to explore on the other Islamic financing concepts such as *musharakah*, *ijarah* and *al-rahnu* to be implemented as personal financing instruments.

**Keywords:** Personal financing, *tawarruq*, *gharar*, ambiguity, Islamic banking.

### Pengenalan

Sekitar empat dekad sebelum kemerosotan ekonomi dunia, pembiayaan Islam telah menunjukkan pembangunan yang pesat sehingga berjaya menyaingi penawaran produk perbankan konvensional khususnya di negara-negara Islam (Abdulqadir, 2013). Di Malaysia, kerajaan telah bersungguh untuk terus membangunkan pembiayaan Islam dan ia turut dimanifestasikan melalui pelan jangka panjang sebagaimana yang direkodkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 antara lainnya menggariskan bahawa landskap sistem kewangan Malaysia pada tahun 2020 dijangkakan mampu menghasilkan dimensi aktiviti kewangan Islam yang lebih besar dengan lebih penekanan terhadap pengurusan dana Islam di Malaysia melalui penubuhan bank pelaburan, pengurus dana dan penyedia khidmat nasihat kekayaan Islam dengan jangkauan global dan bertaraf dunia (BNM, 2012).

Sehingga kini, pembiayaan peribadi berasaskan *tawarruq* merupakan mekanisme penting yang menyumbang kepada kadar keuntungan besar dalam portfolio sesebuah institusi kewangan Islam. Ia juga merupakan produk yang paling popular dan laku di kalangan masyarakat awam. Disamping itu, perlaksanaannya mencapai keperluan peringkat *hajiyyat* bagi kehidupan masyarakat awam dan mencapai peringkat *daruriyyat* bagi meneruskan kemandirian (*survival*) perniagaan perbankan

Islam (Mohamed Fairouz, 2010). Oleh kerana kewujudannya yang masih baharu dalam, pelaksanaan *tawarruq* tidak terlepas dari kritikan oleh para pengkaji. Hal ini berikutan wujud dakwaan bahawa perlaksanaannya adalah helah kepada riba dan melibatkan elemen *gharar*. Sehubungan itu, kajian ini cuba meneliti pelaksanaan pembiayaan peribadi *tawarruq* dan sejauh mana keterlibatannya dengan elemen *gharar* yang diharamkan dengan menjadikan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai sampel kajian atas asas ia merupakan perintis kepada gagasan perbankan Islam di Malaysia dan ia antara yang terawal menawarkan pembiayaan berasaskan instrumen *tawarruq*.

### Metodologi

Kajian kualitatif ini mengaplikasikan tiga metode utama bagi pengumpulan data yang menjurus kepada pengkajian paradigma pembiayaan peribadi *tawarruq*. Pertamanya, metode kepustakaan yang digunakan bagi mengumpul sebanyak mungkin maklumat bentuk tesis, buku, artikel, jurnal, majalah dan kajian ilmiah lainnya yang berkaitan dengan isu pelaksanaan *tawarruq* dan perbincangan *gharar*. Bagi memperolehi bahan tersebut, beberapa pusat sumber utama telah dilawati antaranya perpustakaan INCEIF, Knowledge Management Centre IBFIM dan Knowledge Management Centre Bank Negara Malaysia. Keduanya, metode observasi yang dilakukan bagi melihat dan merekod data berkaitan kaedah pelaksanaan pembiayaan peribadi antara Personal Financing Executive (PFE) dan pelanggan dari sudut interaksi antara mereka, penerangan maklumat tentang peringkat serta sifat akad jual beli *tawarruq*, penjelasan tentang komoditi dan transaksi jual belinya, proses melengkapkan dokumen berkaitan dan sebagainya.

Metode temubual separa struktur pula dijalankan dengan penelitian terhadap maklumat-maklumat primer yang terkini berkenaan operasi pembiayaan peribadi di bank, operasi jual beli komoditi *tawarruq* yang melibatkan

pasaran antarabangsa dan isu-isu berbangkit. Beberapa responden berotoriti telah ditemubual secara lansung iaitu Ustaz Mohd Nazri Chik, Penolong Pengurus Besar merangkap Ketua Bahagian Syariah, BIMB, En. Azmil Ahmad Sahimi, PFE BIMB dan Cik Wan Ayna Wan Mohamed Jaafar, PFE BIMB. Pihak BIMB turut memberi memberi kerjasama menyediakan kontrak pembiayaan peribadi *tawarruq* dan segala keperluan dokumentasi yang berkaitan.

Melalui data yang dikumpul, metode komperatif digunakan secara konsisten untuk melihat keselarian antara pelaksanaan pembiayaan peribadi *tawarruq* dengan prinsip serta piawaian muamalat Islam. Melalui metode ini juga, segala bentuk ambiguiti cuba dikesan dan diklasifikasikan sebagai *gharar*.

## Hasil dan Perbincangan

### *Perlaksanaan Pembiayaan Peribadi Tawarruq*


*Tawarruq* menurut bahasa Arab didefinisikan sebagai perbuatan menuntut wang perak (Al-Shirazi, 1990). Menurut istilah Syarak pula, ia adalah tindakan seseorang yang membeli barangan dengan harga tangguh, kemudian menjualnya kepada bukan penjual asal dengan harga tunai (Asmak *et al.*, 2010). Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa *tawarruq* berfungsi untuk mendapatkan kecairan tunai dan ia mestilah melibatkan sekurang-kurangnya tiga pihak iaitu: (1) Pemohon biaya wang tunai; (2) Penjual komoditi kepada pihak pertama; (3) Pembeli komoditi daripada pihak pertama dan dia bukan daripada pihak kedua.

Transaksi *tawarruq* sebenarnya bukanlah akad atau kontrak yang tersendiri sebagaimana yang difahami oleh sebahagian pengkaji. Akan tetapi ia adalah instrumen muamalat yang disusun dari beberapa transaksi akad jual beli atas tujuan untuk menikmati wang tunai dan bukannya barangan. Atas asas ini, instrumen *tawarruq* mestilah menepati syarat serta rukun jual beli. Lantaran itu, pembiayaan peribadi *tawarruq* yang berasaskan jual beli

ini adalah berbeza sama sekali dari sudut intipati dan implikasinya dengan pinjaman konvensional yang dibangunkan atas konsep pinjaman. Oleh itu, skeptikal masyarakat yang beranggapan bahawa pinjaman konvensional dan pembiayaan Islam adalah sama perlu dikikis sebaiknya (Syed Alwi, 2013).

Dari sudut kajian tekstual, secara umumnya *tawarruq* adalah instrumen yang dipopularkan oleh mazhab Hanbali. Walau bagaimanapun, keseluruhan mazhab fiqh termasuk mazhab Zahiri berpandangan bahawa hukum *tawarruq* adalah harus atas alasan dalil *qat`i* al-Quran secara jelas mengharuskan semua jenis jual beli. Pandangan ini juga bertepatan dengan spiritual serta kaedah fiqh Islam yang luas dalam urusan muamalat harian selagi tidak terjebak ke dalam kancan aktiviti haram seperti riba, *gharar* dan judi.

BIMB sebagai perintis kepada gagasan perbankan Islam di Malaysia telah memperkenalkan pembiayaan peribadi *tawarruq* sekitar tahun 2009. Perlaksanaan pembiayaan peribadi *tawarruq* dapat diteliti berdasarkan Rajah 1 seperti berikut:



Rajah 1: Carta Alir Perlaksanaan Pembiayaan Peribadi Tawarruq di BIMB. Keterangan carta alir (Mohd Nazri, temubual, Ogos 16, 2013; Azmil, temubual, Sept. 19, 2013):

1. Pelanggan mengemukakan permohonan pembiayaan peribadi dan melengkapkan borang serta dokumen berkaitan. Pada peringkat ini juga pelanggan turut menandatangani perjanjian *Offer to*

*Purchase* (OTP) untuk membeli apa sahaja komoditi yang akan dijual kepada tanpa mengetahui secara jelas harga, kuantiti dan jenis komoditi. Borang yang telah siap diisi akan dikira sebagai *ijab* bagi melengkapi rukun *sighah* dalam akad jual beli. Kelulusan permohonan pula mengambil masa minimum 3 hari dan maksimum 14 hari.

2. Bank membeli komoditi secara pukal daripada Broker A di pasaran antarabangsa bagi memenuhi permohonan pembiayaan yang melibatkan urus niaga murabahah di 130 cawangannya. Ini termasuklah produk pembiayaan peribadi, pembiayaan perniagaan dan sebagainya. Perlu difahami bahawa bank hanya dibenarkan memiliki komoditi tersebut untuk tempoh maksimum 2 jam sahaja.
3. Setelah membeli, bank serta merta menjual komoditi tersebut kepada pelanggan secara murabahah (harga kos ditambah keuntungan).
4. Pelanggan melantik bank sebagai wakil melalui perjanjian *Appointment of Bank as Sale Agent* (ABSA) untuk menjual semula komoditi kepada Broker B. Pelantikan ini penting kerana pelanggan tidak mampu mencari pembeli komoditi yang baru disamping komoditi tersebut bukanlah tujuan pembiayaan peribadi *tawarruq* dilanggan. Pelantikan ini selalunya dilakukan di peringkat pertama bagi memudahkan pelanggan untuk tidak kerap datang ke kaunter bank.
5. Bank sebagai wakil pelanggan akan menjual komoditi milik pelanggan kepada Broker B dengan harga kos belian. Transaksi daripada peringkat ke 3 hingga ke 5 perlu disempurnakan dalam tempoh maksimum 2 jam.
6. Hasil jualan komoditi (iaitu bersamaan

dengan jumlah pembiayaan peribadi yang dipohon) daripada Broker B akan dikreditkan ke akaun pelanggan selepas penandatanganan *Acceptance of Purchase* (AOP) yang dianggap sebagai *qabul*. Pengkreditan duit dilakukan dalam tempoh minimum 24 jam dan maksimum 3 hari. Ketika ini, baharulah pelanggan dapat mengetahui harga jualan komoditi yang dibelinya daripada bank.

7. Pelanggan membayar harga jualan komoditi secara ansuran bulanan hingga tempoh matang.

Bagi mencapai matlamat menyediakan servis pembiayaan Islam yang cepat dan mudah, BIMB telah mengambil inisiatif menggunakan sistem rangkaian komputer dalam produk pembiayaan peribadi contohnya pengiraan jumlah komoditi murabahah, perpindahan hak milik komoditi, rekod pembayaran, pengiraan rebat (*ibra'*) dan denda (*ta'wid*). Bagi memantapkan lagi kelangsungan pelaksanaan prinsip Syariah, BIMB mengambil usaha melakukan kawalan dalaman (*internal audit*) terhadap pelaksanaan pembiayaan dan memberikan latihan kepada pegawainya bagi memastikan mereka kompeten untuk melaksanakan kontrak pembiayaan peribadi sejajar dengan prinsip Islam. Disamping itu, pegawai Syariah BIMB juga akan dihantar ke beberapa pelanggan terpilih bagi melakukan observasi terhadap pelaksanaan setiap prosedur produk pembiayaan (Mohd Nazri, temubual, Ogos 16, 2013).

#### *Gharar Menurut Perspektif Syariat*

*Gharar* menurut bahasa bermaksud risiko atau penipuan (Al-Jawhari, 1979; Al-Zabidi, 1974). Manakala dari sudut istilah Syarak di sisi kebanyakan para fuqaha, *gharar* ialah sesuatu yang tersembunyi akibatnya (natijahnya) (Al-Sarakhsi, 1985). Daripada definisi secara bahasa dan istilah dapat disimpulkan bahawa apabila wujudnya unsur kesamaran dan ambiguiti dalam sesuatu transaksi jual beli, maka salah satu pihak berkontrak akan berdepan dengan

penindasan serta risiko yang seterusnya ia mampu mencetuskan implikasi utama *gharar* iaitu pertelingkahan.

*Gharar* dalam aktiviti muamalat membawakan ciri-ciri berikut (Mohamed Fairouz, 2011):

1. *Gharar* ialah unsur yang tak diketahui sama ada wujud atau tidak.
2. *Gharar* merupakan sesuatu yang tidak jelas dari sudut keberhasilan daripada tujuan sesuatu akad jual beli dijalankan.
3. *Gharar* berlaku atas asas *jahalah* yang merujuk kepada kesamaran yang tanpa boleh dipastikan sama ada oleh pihak penjual atau pembeli.
4. *Gharar* mampu mempengaruhi harga jualan komoditi lalu mengakibatkan berlakunya penindasan ke atas pembeli.

Larangan melibatkan *gharar* dalam transaksi muamalat telah disebut secara tidak langsung melalui ayat al-Quran:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta kamu sesama kamu secara batil” (Al-Quran 3: 29).”

Ketika menghurai lanjut frasa ‘memakan harta secara batil’, para sarjana Islam berpandangan bahawa eksistensi *gharar* dalam pelaksanaan muamalat adalah termasuk dalam perkara yang batil dan hukumnya adalah haram secara sepakat (Al-Darir, 1993). Ketegasan Syariat terhadap kancah *gharar* juga boleh difahami melalui hadis daripada Abu Hurayrah bahawa sesungguhnya baginda Nabi melarang jual beli *gharar* (Muslim no. 1513, 1991).

Di dalam urusan niaga jual beli, terdapat dua jenis *gharar* seperti berikut:

1. *Gharar* yang banyak (*Kathir/Fahish*): Ia merujuk kepada unsur kesamaran yang wujud secara dominan pada akad sehingga

akad tersebut disifatkan kepadanya. *Gharar* jenis ini mampu mencetuskan pertelingkahan dan mengakibatkan sesuatu akad menjadi *fasid* (AAOIFI, 2009). *Gharar* jenis ini dilarang secara jelas melalui dalil-dalil Syarak dan ia sebenarnya boleh dielakkan tanpa menghadapi sebarang kesulitan (Mohamed Fairouz, 2011). Sesungguhnya para fuqaha telah bersepakat melarang berlakunya *gharar kathir* (Ibn Rusd, 1982).

2. *Gharar* yang sedikit (*Qalil/ Yasir*): Ia merujuk kepada unsur kesamaran yang tidak mampu dielakkan dalam akad jual beli. Walau bagaimanapun, *gharar* jenis ini tidak mendatangkan pertelingkahan antara pihak berakad. *Gharar* jenis ini juga dimaafkan kerana keperluan maslahat manusia (Al-Jawziyyah, 1992; Ibn Taymiyyah, 2004) dan pada adat kebiasaan (*wrf*), manusia mampu bertolak ansur dengan kewujudannya (Al-Dusuqi, t.t).

Menurut Ibn Taymiyyah (2004), kesan buruk (*mafsadah*) akibat *gharar* lebih ringan daripada riba. Oleh yang demikian, kewujudannya dimaafkan jika manusia berhajatkan kepadanya. Namun jika *gharar* menjadi punca diharamkan sesuatu akad, maka *mafsadah* yang terpaksa ditanggung darinya lebih berat dari *gharar* itu sendiri.

*Pertama: Gharar Pada Barang Jualan (ma`qud`alayh)*

Melalui temubual bersama Pegawai PFE, didapati bahawa unsur *gharar* pada *ma`qud`alayh* wujud semasa PFE berurusan dengan pelanggan. Ini kerana mereka tiada maklumat tentang jenis logam serta kuantitinya yang digunakan sebagai komoditi untuk proses jual beli *tawarruq* (Wan Ayna, Ogos 16, 2013). Maklumat detil tentang subjek akad adalah perlu kerana transaksi jual beli komoditi *tawarruq* antara BIMB dan London Metal Exchange (LME) bukan hanya melibatkan satu jenis logam sahaja, sebaliknya berpuluh jenis logam yang diniagakan seperti aluminium, kuprum dan besi

kecuali emas dan perak (Mohd Nazri, temubual, Ogos 16, 2013). Polemik ini semakin rumit jika BIMB menggunakan komoditi yang sama sekali bukan dari jenis logam seperti *Crude Palm Oil* (CPO) kerana BIMB turut menyertai pasaran Bursa Suq al-Sila` (BSAS).

Prinsip muamalat Islam menegaskan bahawa subjek akad atau komoditi mestilah dijelaskan sifat dan kondisinya. Jika ia tidak disifatkan dengan sifatnya yang sebenar kepada pembeli, maka akan terbitlah elemen *gharar* yang boleh mencacatkan kesahihan akad jual beli (Ali, 2003). Al-Shubili (2005) mencontohkan jika penjual menawarkan (*ijab*) penjualan keretanya lalu pembeli menerima penawaran (*qabul*) tanpa dia melihat kereta itu dan mengetahui sifatnya, maka penjualan itu tidak sah.

Dalam pada itu, para sarjana juga mengakui bahawa *gharar kathir* yang berlaku pada komoditi adalah tidak harus sementara *gharar qalil* (*yasir*) pula diharuskan. Namun begitu, ketika mahu mengkategorikan *gharar* yang berlaku ke atas komoditi, fuqaha berikhtilaf sama ada ia *gharar fahish* atau *yasir* (Ibn Rushd, 1982).

Melalui penelitian yang dibuat, didapati bahawa *gharar* yang berlaku pada jenis komoditi yang diurusniagakan dalam pelaksanaan akad pembiayaan peribadi *tawarruq* adalah *gharar yasir* yang dimaafkan atas faktor-faktor berikut:

1. Bank pada asasnya telah memberikan maklumat umum bahawa komoditi terdiri dari logam dan ia sudah memadai untuk menghindari implikasi *gharar* iaitu pertelingkahan. Perincian tentang jenis logam dan kuantitinya boleh diketahui jika pelanggan memohon demikian (Mohd Nazri, temubual, Ogos 16, 2013).
2. Tumpuan urusan niaga pembiayaan peribadi *tawarruq* adalah harga jualan komoditi dan bukan komoditi. Ia berlainan dengan pandangan kebanyakan fuqaha ketika mengharamkan *gharar* pada komoditi

kerana ia dijelaskan ketika komoditi tersebut yang menjadi tumpuan akad. Oleh yang demikian, *thaman al-mabi`* perlu lebih diteliti dan segala *gharar* yang terbit padanya mestilah cuba dihilangkan.

3. Tempoh antara pembelian komoditi oleh bank dan penjualannya kepada pelanggan hanyalah dua jam. Dalam masa yang sama, transaksi ini melibatkan permohonan dari 130 cawangan BIMB termasuk semua produk pembiayaan berasaskan *tawarruq*. Justeru, amat sukar bagi bank untuk memaklumkan kepada pelanggan mengenai jenis dan kuantiti logam kepada setiap pelanggan ketika penjualan kepadanya dilakukan disamping ia melibatkan kos yang tinggi.

Walau bagaimanapun, jika BIMB mula menggunakan komoditi yang diurusniagakan di BSAS, maka borang OTP perlulah dipinda agar bersesuaian dengan jenis komoditi yang diurusniagakan. Pandangan penulis, pelanggan komoditi di BSAS adalah lebih baik kerana disamping komoditi yang berstatus patuh syariah, ia juga terdiri dari hanya tiga jenis komoditi berasaskan CPO lalu memudahkan untuk ditentukan jenisnya berbanding komoditi di LME yang terdiri dari puluhan jenis logam. Keadaan ini sekaligus dapat mengeluarkan BIMB dari kritikan dan percanggahan pendapat dan sesungguhnya keluar dari pertelingkahan itu amat dituntut.

Isu *gharar* juga timbul pada penentuan kadar komoditi jualan dan ia juga berkait lansung dengan jual beli *tawarruq*. Ali (2003) menyatakan kaedah fiqh:

“Dimestikan agar barang jualan diketahui oleh pembeli.”

Kaedah di atas diperjelaskan lagi melalui kaedah berikut:

“Barang jualan akan diketahui dengan penjelasan tentang keadaan dan sifat yang membezakannya dari yang lain.”

Penentuan spesifik terhadap kadar komoditi perlu dilakukan bagi menjauhi *bay`al-gharar* yang menjadi punca tercetusnya pertelingkahan dan merosakkan akad jual beli kerana tujuan kontrak ini dijalankan adalah untuk memanfaatkan komoditi dan menikmati harga jualan tanpa terjadinya pertelingkahan atau pergaduhan. Pendapat sebegini juga dipegang oleh kebanyakan fuqaha mazhab antaranya Al-Ramli (1984), Al-Nawawi (2003) dan Abu Hanifah (Al-Sarakhsi, 1985).

Merujuk kepada jual beli komoditi *tawarruq* di BIMB, pihak bank akan membeli komoditi di pasaran antarabangsa secara pukal berdasarkan permohonan semua produk pembiayaan berasaskan *tawarruq* dari 130 cawangannya. Oleh kerana komoditi yang dibeli berada dalam skala yang sangat besar sehingga mencecah ratusan juta ringgit, maka bank akan terus menjualkannya kepada para pelanggan tanpa menentukan kadar komoditi secara spesifik. Situasi ini berlaku disebabkan beberapa kekangan antaranya:

1. Masa: bank hanya dibenarkan untuk memiliki komoditi dalam tempoh maksimum dua jam sahaja sebelum dijual kepada broker lain. Dalam tempoh yang singkat tersebut, amat sukar untuknya menentukan kadar komoditi yang tepat bagi setiap jenis pembiayaan yang mungkin melibatkan ratusan pelanggan.
2. E; penentuan kadar secara spesifik terhadap komoditi yang berskala besar kepada pelanggan yang ramai akan melibatkan kos yang tinggi. Jika bank melakukan prosedur penentuan ini, dikhawatiri kos tersebut akan ditanggung oleh pelanggan. Sesungguhnya peningkatan kos bukan sahaja mencalar reputasi bank, bahkan mampu mencetuskan pertikaian-pertikaian yang lain.

Lantaran itu, sarjana Islam telah berusaha menyelesaikan masalah berkaitan kesulitan penentuan kadar komoditi akibat jual beli komoditi secara pukal dengan memperkenalkan konsep *bay`al-musha`*. *Al-musha`* menurut

literal bermaksud tidak dibahagikan (*ghayr maqsum*) (Al-Fayruz Abadi, 2005). Manakala menurut istilah Syarak, ia bermaksud perkongsian pemilikan ke atas sesuatu barang tanpa diagihkan bahagiannya kepada pemiliknya. Jual beli *al-musha`* adalah harus menurut jumhur fuqaha (Al-Sultan, 2002). Sekaligus status keharusan ini menunjukkan bahawa jual beli komoditi *tawarruq* yang bercampur pemilikannya adalah sah dan ia diperkuatkan lagi dengan hujah bahawa walaupun komoditi yang dijual oleh BIMB kepada pelanggan tidak ditentukan sifat dan kadarnya, ia adalah perkara yang boleh ditolakansurkan serta tidak mencetuskan implikasi *gharar* (pertikaian dan pergaduhan) antara pihak berkontrak (Ali, 2003), maka jual beli tersebut adalah sah.

#### *Kedua: Gharar Pada Harga Jualan*

Jumhur fuqaha berpendapat bahawa pernyataan harga komoditi (*tasmiyyah al-thaman*) mesti dilakukan ketika penjualan aset dan pengabaian aspek ini akan mencatitkan kesahihan akad jual beli (Ali, 2003). Memetik kaedah fiqh sebagai menyebut:

“Pernyataan harga ketika penjualan adalah mesti. Jika seseorang menjual tanpa dinyatakan harga (barang), penjualan itu adalah rosak (*fasid*).”

Kaedah fiqh lain pula menyatakan:

“Dimestikan supaya harga barang diketahui dan ada pengetahuan mengenai harga (barang).”

Ali (2003) ketika mengulas kaedah-kaedah ini menyatakan bahawa pemakluman harga komoditi ketika penjualannya adalah sesuatu yang wajib dan jika harga disenyapkan, penjualan itu akan terbatal. Adapun maksud pengetahuan tentang harga ialah, kadar dan sifatnya (nilai mata wang) mestilah jelas pada pengetahuan pihak berkontrak.

Melalui penelitian terhadap transaksi pembiayaan peribadi *tawarruq*, harga jualan

komoditi daripada bank (penjual) kepada pelanggan (pembeli) tidak dimaklumkan semasa berlakunya proses *ijab*. Ertinya, penjual menawarkan penjualan komoditi tanpa dimaklumkan harganya dan pembeli terus bersetuju membeli komoditi tersebut lalu situasi ini menerbitkan unsur *gharar* pada harga jualan komoditi. Dalam temubual bersama pihak BIMB, mereka menyedari bahawa pada asalnya menurut Syariah, harga komoditi mestilah dimaklumkan ketika penandatanganan borang OTP (Azmil, temubual, Sept. 19, 2013). Namun perkara ini tidak dapat dilakukan kerana harga jualan komoditi sebenarnya ialah jumlah pembiayaan yang layak dipohon oleh pelanggan ditambah dengan keuntungan bank. Untuk mengetahui jumlah tersebut, proses saringan kredit perlu dilakukan ke atas kelayakan kewangan pelanggan dan ia mengambil masa sekurang-kurangnya tiga hari. Jika bank menetapkan harga jualan komoditi di awal permohonan tanpa melakukan saringan kredit, dikhuatiri bank akan berhadapan dengan risiko pemberian pembiayaan yang melampaui batas keupayaan kewangan pelanggan atau risiko pelanggan yang tidak berdisiplin dalam membuat pembayaran ansuran. Oleh itu, setelah selesai proses saringan kredit, harga jualan komoditi akan dimaklumkan kepada pelanggan semasa proses penandatanganan AOP.

Dengan demikian, disimpulkan bahawa *gharar* pada harga jualan dalam pelaksanaan pembiayaan peribadi *tawarruq* adalah berbentuk *yasir* dan ia boleh dimaafkan. Ini kerana walaupun harga tidak dimaklumkan ketika *ijab*, kesamaran ini tetap dapat diatasi dengan pemaklumannya ketika proses *qabul* (penandatanganan AOP). Prinsip Syariah telah menjelaskan bahawa jika sesuatu urusan muamalat itu pada asalnya ia diharuskan, kemudian wujud elemen penghalang (contohnya *gharar*) yang mencacatkan keharusan tersebut dan jika elemen tersebut dapat dihilangkan, maka muamalat berkenaan kembali kepada hukum keharusannya yang asal. Asas ini seperti apa yang dinyatakan oleh kaedah fiqh berikut:

“Jika hilang penghalang (sebab larangan), kembali perkara dilarang (menjadi harus).”

Ali (2003) menyebut bahawa walaupun dilewatkan pemakluman harga jualan komoditi sehingga selepas *qabul*, jual beli tersebut tetap sah kerana *gharar* telah dihilangkan. Namun begitu, sebelum harga dinyatakan, pembeli mempunyai hak *khiyar* untuk menfasakhkan jual beli.

Melalui penelitian rekod pelaksanaan pembiayaan peribadi *tawarruq*, didapati belum ada pertikaian yang timbul disebabkan harga yang tidak dimaklumkan ketika *ijab*. Ertinya, pelanggan (pembeli) boleh bertolak ansur terhadap kesamaran ini sekaligus dapat mengelakkan berlakunya implikasi *gharar*. Penangguhan pemakluman harga juga bukan disengajakan oleh pihak bank, tetapi ia dibuat bagi mengelakkan berlakunya mudarat kerugian yang lebih besar.

*Ketiga: Gharar Pada Perlangsungan Akad (Ibram al-`Aqd)*

*Ibram al-`aqd* ialah perjalanan atau kelansungan akad jual beli yang merujuk kepada pelaksanaan *sighah* iaitu *ijab* dan *qabul*. Zaharuddin (2012) dan Wan Nazman (2003) dalam tulisan mereka menyebut bahawa *ijab* dan *qabul* mestilah dilaksanakan serta merta dalam satu majlis tanpa diselangi oleh tindakan lain termasuk tempoh akad yang terlalu lama.

Walaupun bagaimanapun, Dalam pelaksanaan pembiayaan peribadi *tawarruq*, pelanggan akan menandatangani *ijab* (OTP) di awal permohonan. Setelah berlalunya tempoh minimum tiga hari, barulah berlakunya *qabul* di mana bank menandatangani borang AOP. Situasi ini melihatkan bahawa *ijab* dan *qabul* berlaku secara berasingan bukan dalam majlis akad yang sama dengan dipisahkan oleh tempoh yang agak lama.

Para sarjana Islam ketika membincangkan masalah ini, sebahagiannya membezakan



metode pelaksanaan *sighah* antara kaedah penuturan dan kaedah penulisan. Menurut Ibn Nujaym (t.t) dan Ibn `Abidin (1993), *sighah* yang berlaku secara penuturan mesti dilaksanakan dalam satu majlis akad kerana wujudnya unsur penghapusan (*al-talashi*). Maksudnya, ucapan *ijab* mesti disambut dengan ucapan *qabul* secara bersambung (*muttasil*) kerana dibimbangi *ijab* akan terhapus jika diselangi dengan tindakan lain atau tempoh yang lama.

Adapun kaedah *sighah* melalui penulisan, akad tetap sah walaupun *ijab* dan *qabul* dilakukan pada majlis akad yang berasingan kerana bukti bertulis pelaksanaan *sighah* wujud secara 'hitam putih' sekaligus menafikan unsur *al-talashi* (Ibn `Abidin, 1993). Al-Sanhuri (1997) pula berpandangan bahawa perlunya diberi tempoh masa antara pelaksanaan *ijab* dan *qabul* agar pihak pembeli (pelanggan) dapat berfikir dan membuat keputusan yang tepat yang mampu mencapai maslahat dan menolak mudarat sebelum berlakunya *qabul*. Disamping itu, *maqsad* pelaksanaan *sighah* iaitu saling bersetuju (*al-tawafuq*) dan saling meredai (*al-taradi*) dapat dicapai melalui kaedah pelaksanaan *sighah* secara bertulis walaupun diselangi dengan tempoh yang agak lama.

Kesimpulannya, walaupun secara zahirnya *ibram `aqd al-bay`* dalam pembiayaan peribadi *tawarruq* kelihatan wujud unsur *gharar* pada waktu majlis akad, namun ia adalah *gharar yasir* dan ia mampu mencapai *maqsad* pelaksanaan rukun *sighah*. Dalam masa yang sama, kenyataan bertulis sebegini amat penting untuk urusan perundangan dan melancarkan lagi aktiviti perniagaan kontemporari.

#### *Keempat: Gharar Pada Serah Terima (Qabd)*

*Qabd* menurut literal ialah tindakan mengambil sesuatu barang dengan tapak tangan (Ibn Manzur, 1988). Ia turut digunakan bagi menunjukkan perpindahan milik barangan dari satu pihak kepada pihak yang lain (Al-Matrazi, 1979). Menurut Syarak, *qabd* bermaksud

pemilikan sesuatu barang dan berkemampuan untuk menggunakannya (Musa, 2012). Bin Baz (1992) berpandangan bahawa jika seseorang ingin menjual semula sesuatu komoditi bagi mendapatkan kecairan tunai (seperti dalam pembiayaan *tawarruq*), dia perlu membeli komoditi tersebut dan berlaku serah terima dan pemilikan yang sempurna, kemudian dia boleh menjualnya semula kerana seseorang dilarang menjual barang yang bukan miliknya. Menurut Al-Kasani (2000), aset mudah alih (*al-manqul*) tidak boleh dijual semula sebelum belakunya *qabd* kerana ia mengandungi *gharar* mengenai kondisi aset sama ada ia elok atau rosak. Asas ini bertitik tolak dari beberapa dalil Syarak yang menegah aktiviti jual beli tanpa *qabd* antaranya hadis Nabi *sallallahu `alayhi wa sallam* yang menyebut:

“Sesiapa yang membeli bahan makanan, jangan dia jual semula sehingga selesai melakukan *qabd* terhadap makanan itu” (Al-Bukhari no. 2133, 2006; Muslim no. 1526, 1991).

Ibn `Abbas dalam komentarnya terhadap hadis di atas menyatakan bahawa *qabd* bukan sekadar terpakai dalam jual beli makanan sahaja, tetapi pada semua jenis barang (Muslim no. 1526, 1991).

Begitu juga dengan hadis berikut:

Terjemahan: “Jika kamu membeli sesuatu, janganlah menjualnya semula kecuali kamu melakukan *qabd* terhadapnya” (Al-Bayhaqi, 1993).

Dalil-dalil nas secara literalnya tidak memperincikan kaedah pelaksanaan *qabd*. Namun begitu, melalui telaah terhadap kajian fiqh terdahulu, dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan *qabd* dibahagikan kepada dua bentuk yang utama (Hussein et al., 2013):

1. *Qabd Haqiqi*: Ia merujuk kepada perpindahan hak milik sesuatu aset secara fizikal. Contohnya dalam transaksi jual beli komoditi *al-manqul*, *qabd haqiqi* dianggap

berlaku apabila wujud tindakan mengambil komoditi tersebut.

2. *Qabd Hukmi*: Ia merupakan perpindahan milik yang berlaku secara tidak zahir. Walau bagaimanapun, prinsip Syarak tetap mengiktiraf statusnya menyamai *qabd haqiqi*. *Qabd hukmi* boleh berlaku menerusi beberapa kaedah:

a. *Al-Takhliyyah*: iaitu tindakan penjual membebaskan hak pemilikannya ke atas komoditi sehingga pembeli boleh memilikinya tanpa sebarang halangan. Contohnya, penjual membuka kunci gudang sebagai tanda menyerahkan gandum yang dijual di dalamnya.

b. *Al-Muqasah*: iaitu konsep tolak selesai hutang. Contohnya, jika pelanggan insuran mempunyai deposit sebanyak RM 50,000 dalam masa yang sama mempunyai obligasi hutang tertunggak dengan syarikat insuran sebanyak RM 25,000. Maka pelanggan tersebut hanya layak menerima pembayaran berjumlah RM 25,000 sahaja manakala bakinya boleh diambil oleh syarikat insuran.

c. *Al-Itlaf*: iaitu kerosakan pada komoditi. Contohnya, seorang pembeli yang sedang meneliti barang mudah pecah lalu berlaku kerosakan pada barang tersebut disebabkan tindakannya. Maka pembeli mestilah membayar harga barang tersebut. Ini kerana menurut Syarak, jika berlaku kerosakan barang disebabkan oleh pembeli (walaupun sebelum berlaku akad), *qabd* dianggap sempurna.

d. Tindakan terdahulu: iaitu tindakan yang menunjukkan *qabd* berlaku lebih awal. Contohnya dalam kontrak sewa beli rumah, ketika tempoh penyewaan, penyewa telah menduduki premis sewa dan ia merupakan *qabd* yang awal. Kemudian rumah tersebut dijual

kepadanya, maka *qabd hukmi* telah berlaku walaupun *qabd haqiqi* adalah selepas akad jual beli (SC, 2006).

e. Arahan pembeli: iaitu tindakan penjual ke atas komoditi berdasarkan arahan pembeli. Contohnya ketika di kedai jahit, pembeli memilih kain yang berada di kedai tersebut dan meminta kepada penjual untuk menjahitnya sepasang baju. Apabila penjual memulakan kerja jahitannya, akan berlakulah kekurangan pada kain tersebut lalu sempurnalah *qabd hukmi* (Al-Qura Daghi, 2013).

Isu *qabd* dalam pelaksanaan *tawarruq* semasa tidak terlepas dari kritikan di mana wujud kesamaran pada waktu berlakunya *qabd* dan status perpindahan pemilikan komoditi daripada bank kepada pelanggan. Ini kerana bank tidak memaklumkan kepada pelanggan akan waktu komoditi tersebut menjadi miliknya. Menurut penjelasan pihak BIMB, bank akan memaklumkan waktu pemilikan tersebut melalui notis *Confirmation of Transaction* (COT) semasa peringkat penandatanganan AOP. Pelanggan juga boleh mengetahui waktu yang tepat bagi pemilikannya ke atas komoditi jika dia meminta demikian ketika peringkat awal permohonan. *Qabd* pula akan dilakukan secara *hukmi* melalui kaedah *al-takhliyyah*. Maksudnya, semasa tempoh pemilikan pelanggan ke atas komoditi, dia bebas untuk memanfaatkan komoditi tersebut bahkan bank bersedia menawarkan khidmat pengurusan penghantaran komoditi daripada gudang broker kepada pelanggan. Manakala kos penghantaran dan insuran komoditi, ia perlu ditanggung oleh pelanggan.

Oleh yang demikian, tindakan bank adalah jelas menunjukkan bahawa *qabd hukmi* dan jual beli komoditi yang dilakukan adalah urusan niaga yang sebenar dan bukan direka-reka. Disamping itu, implikasi *gharar* juga dilihat tidak wujud. Namun demikian, untuk memastikan agar pelaksanaan *qabd* berlaku lebih jelas, adalah lebih baik jika bank memaklumkan tempoh

pemilikan pelanggan ke atas komoditi tersebut dan kuantiti serta jenis komoditi yang dijual kepadanya kerana *al-takhliyyah* lebih sempurna jika disertakan dengan *al-tamyiz* (penentuan pada komoditi) (Ibn Qudamah, 1997). Tempoh pemakluman boleh dibuat sejurus selepas bank menjual komoditi kepada pelanggan dan sebelum bank menjual semula komoditi tersebut kepada pembeli yang baru (Broker B). Adapun medium pemakluman, bank boleh menggunakan segala jenis kemudahan komunikasi yang semakin hari semakin murah dan canggih seperti sistem *bulk SMS*, aplikasi telefon pintar, emel, rangkaian media sosial, telefon dan sebagainya.

## Kesimpulan

Tuntasnya, kajian mendapati pada pembiayaan peribadi *tawarruq* wujud unsur *gharar* pada beberapa proses perlaksanaannya. Walau bagaimanapun, unsur-unsur *gharar* yang terbit tidak mencetuskan pertelingkahan dan boleh dimaafkan berdasarkan prinsip *gharar yasir*. Oleh itu, disimpulkan bahawa pelaksanaan pembiayaan peribadi *tawarruq* adalah harus. Analisa yang diutarakan dijangka mampu membetulkan salah faham masyarakat terhadap produk pembiayaan Islam seterusnya mengoptimumkan lagi penawaran pembiayaan peribadi agar ia sentiasa relevan dan kompetatif menyaingi produk pinjaman konvensional. Namun begitu, melihat kepada amalan pembiayaan peribadi *tawarruq* yang terus dikritik, adalah dicadangkan agar Majlis Penasihat Syariah BNM untuk mengeluarkan garis panduan bagi pelaksanaan *tawarruq* dengan segera. Dalam pada itu, konsep-konsep Syariah yang lebih kukuh pensyariatannya dan lebih sedikit kontroversinya seperti konsep *musharakah mutanaqisah*, *al-ijarah al-muntahiyah bi al-tamblik* dan *al-rahnu* perlulah diterokai dengan optimum bagi memperkayakan lagi instrumen pembiayaan peribadi.

## Rujukan

Ali H. (2003). *Durar al-Hukkam fi Sharh Majallah al-Ahkam*. Dar `Alim al-Kutub, Riyadh.

Abdulqadir, I.A. (2012). Integration of Islamic Financial Services: A Tug of Viability, Legality And Politics. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 8 (1): 71-94.

Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) (2009). *al-Ma`ayir al-Shar`iyyah 2010*. AAOIFI, Manama.

Al- Qura Daghi, A. (2013). Athar al-Qabd fi al-`Uqud al-Fasidah. Dipetik dari [http://www.qaradaghi.com/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=232%3A2009-07-04-09-10-32&catid=38%3A2009-07-04-07-30-22&Itemid=13](http://www.qaradaghi.com/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=232%3A2009-07-04-09-10-32&catid=38%3A2009-07-04-07-30-22&Itemid=13). Dipetik pada 12 April 2014.

Al-Bayhaqi, A. H. (1993). *Al- Sunan al-Kubra*. Dar al-Sadir, t.t.p.

Al-Bukhari, M. I. (2006). *Sahih al-Bukhari*. Dar al-Fikr, Beirut.

Al-Darir, S. M. (1993). *Al-Gharar fi al-`Uqud wa Atharuhu fi al-Tatbiqat al-Mu`asarah*. Al-Bink al-Islami li al-Tanmiyyah, Jeddah.

Al-Dusuqi, S. (t.t). *Hashiyah al-Dusuqi `ala al-Sharh al-Kabir*. Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah, T.t.p.

Al-Fayruz Abadi, M. M. (2005). *Al-Qamus al-Muhit*. Tahqiq: al-Araqsusi M., Muassasah al-Risalah, Beirut.

Al-Jawhari, I. H. (1979). *Al-Sihhah Taj al-Lughah wa Sihhah al-Arabiyyah*. Dar al-Ilm al-Malayin, Beirut.

Al-Jawziyyah, M. I. Q (1992) *Zad al-Ma`ad*. Tahqiq: Al-Arna`ut, S. Muassasah al-Risalah, Beirut.

Al-Kasani, A. M. (2000). *Bada'i` al-Sana'i`*. Dar al-Ma`rifah, Beirut.

Al-Matrazi. (1979). *Al-Mughrib fi Tartib al-Mu`rib*. Tahqiq: al-Fakhuri M. Maktabah Usamah, Aleppo.

- Al-Nawawi, Y. (2003). *Rawdah al-Talibin*. Tahqiq: Al-Mawjud A. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.
- Al-Ramli, M. S. (1984). *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Sanhuri, A. (1997). *Masadir al-Haq fi al-Fiqh al-Islami*. Manshurat al-Halabi, Lubnan.
- Al-Sarakhsi, S. (1985). *Kitab al-Mabsut*. Dar al-Ma`rifah, Beirut.
- Al-Shirazi, M. (1990). *Al-Qamus al-Muhit*. Dar al-Fikr, Beirut.
- Al-Shubili, Y. (2005). *Muqaddimah fi al-Mu`amalat al-Maliyyah wa Ba`d al-Tatbiqat al-Mu`asarah*. Makalah. Daurah fi Hafr al-Batin, Arab Saudi.
- Al-Sultan, S. M. (2002). *Ahkam al-Musha` fi al-Fiqh al-Islami*. Universiti al-Imam, Riyadh.
- Al-Zabidi, M. M. (1974). *Taj al-`Arus*. Tahqiq: Husayn Nassar. Matba`ah Hukumah al-Kuwayt, Kuwait.
- Asmak, A. R., Shamsiah, M., Iman, M. (2010). Bay` al-Tawarruq dan Aplikasinya dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad. *Shariah Journal*, 18 (2): 333-360
- BNM. (2014). *Pelan Sektor Kewangan Malaysia 2011-2020*. Dipetik dari [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_publication\\_catalogue&pg=bm\\_publication\\_blueprint&ac=8&lang=bm](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_publication_catalogue&pg=bm_publication_blueprint&ac=8&lang=bm), 50. Dipetik pada 12 April 2014.
- Bin Baz, A. A. (1992). *Majmu`at Fatawa wa Maqalat Mutanawwi`ah*. Dar al-Qasim, Riyadh.
- Hussein, A., Paizah, I., Abdullah, T., Azman, A. R., & Muhammad Firdaus, A. R. (2013). Parameter Qabd Dalam Pelaksanaan Pembiayaan Tawarruq. *Makalah, Islamic Economic System Conference (iECONS)*, 4-5
- Sep 2013, Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.
- Ibn Abidin, M. A. (2003). *Radd al-Muhtar `ala al-Durr al-Mukhtar*. Tahqiq: Al-Mawjud A. Dar Alim al-Kutub, Beirut.
- Ibn Manzur. (1988). *Lisan al-`Arab*. Tahqiq: Shiri A. Dar Ihya al-Turath al-`Arabi, Beirut.
- Ibn Nujaym. (t.t). *Al-Bahr al-Ra`iq Sharh Kanz al-Daqa`iq*. Dar al-Ma`rifah, Beirut.
- Ibn Qudamah, M. (1997). *Al-Mughni*. Tahqiq: Al-Turki A. Dar `Alim al-Kutub, Riyadh.
- Ibn Rushd, M. A. (1982). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Dar al-Ma`rifah, Riyadh.
- Ibn Taymiyyah, A. T. (2004). *Majmu` al-Fatawa. Mujamma` al-Malik Fahd li Tiba`ah al-Mushaf al-Sharif, Madinah*.
- Mohamed Fairouz, A. K. (2011). *Konsep Nilai Masa Wang Dari Perspektif Islam dan Aplikasinya Dalam Produk-Produk Perbankan Islam di Malaysia*. Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Musa, A. I. (2012). *Al-Qabd wa Atharuhu fi al-`Aqd al-Fasid*. *Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah*, bil. 95.
- Muslim, H. (1991). *Sahih Muslim*. Dar al-Hadith, Kaherah.
- Suruhanjaya Sekuriti (SC). (2006). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, Ed. 2. Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur.
- Syed Alwi, S. F. (2013). *Gold Investment Account in Kuwait Finance House (M) Berhad and Maybank Berhad*. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(1):31-39. doi:10.7187/GJAT312013.03.01
- Wan Nazman W. M. (2003). *Bay` Bithaman Ajil dan Perlaksanaannya di Bank Muamalat*

Malaysia Berhad. Tesis Sarjana, Universiti  
Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Zaharuddin A. R. (2012). Contracts & The  
Products of Islamic Banking. CERT, Kuala  
Lumpur, Malaysia.

